

Tingkat Internet kampus

Metro (Bisnes) Rabu 5/9/07 pg:

TM bekerjasama dengan UMP naik taraf kapasiti perkhidmatan TM Direct kepada 34Mbps

TELEKOM MALAYSIA Berhad (TM) memeterai perjanjian dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menaik taraf kapasiti perkhidmatan litar suwa jalur lebar TM Direct dari 8 megabait sesaat (Mbps) kepada 34Mbps bagi meningkatkan keberkesanan penyediaan perkhidmatan Internet di kampus itu.

Perkhidmatan litar suwa jalur lebar TM Direct ini ditawarkan khas bersama perkhidmatan tambah nilai seperti Gerbang Wayarles dan kad wayarles, e-Browse-perkhidmatan surat khabar online (New Straits Times, Harian Metro, The Star, Berita Harian dan Utusan Malaysia) serta perkhidmatan Internet wayarles Hotspot.

Naib Presiden, Jualan En-terpris dan Kerajaan TM Re-

tail, Ghazali Omar, berkata menerusi kerja menaik taraf itu, UMP dapat meningkatkan keberkesanan sistem operasinya menerusi penyediaan perkhidmatan Internet secara menyeluruh di seluruh kampus termasuk di semua jabatan, dewan kuliah dan kafeteria.

Menurutnya, TM juga memberi peluang kepada warga UMP untuk melanggan perkhidmatan Streamyx pada harga istimewa dengan modem percuma dan pengecualian yuran pengaktifan.

"Kemudahan komunikasi melalui perkhidmatan TM Direct ini tepat pada masanya kerana ia dapat menyokong pembangunan UMP disamping meningkatkan keberkesanan pengurusan pentadbiran jabatan dan seluruh kampus selain



memberi kemudahan tam-rut menikmati penjimatan kepada pelajarinya menerusi perkhidmatan Internet wayar. kerana ia akan dipantau dan diselenggara sepenuhnya

oleh kami," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela.

Menerusi pakej yang diperkenalkan itu, TM berharap ia akan dapat memenuhi keperluan UMP sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) yang mementingkan penggunaan teknologi Internet sekali gus meningkatkan prestasi dan daya saing UMP dalam industri pendidikan global yang semakin kompetitif.

TM sentiasa memberikan tumpuan kepada usaha peningkatan kualiti dan inovasi khidmat pelanggannya.

PERPUKULIASTI
STAKAN
UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG

SUMBER
TARIKH : 5/9/07
MUKA SURAT : 1/1

dimin
Ar0